

Headline **Nilai sikap kerajaan Pas**  
Date **23 Apr 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia (Utara)**  
Section **News**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **11**  
Article Size **316 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,979**  
PRValue **8,937**



# Perkenalkan dasar yang semakin hari susahkan rakyat

# Nilai sikap kerajaan Pas

Oleh **OPAT RATTANACHOT**  
uspetani@utusan.com.my

**SUNGAI PETANI** 22 April - Rakyat Kedah perlu menilai sikap rakus kerajaan negeri yang dilihat sanggup memperkenalkan pelbagai dasar yang semakin hari semakin menyusahkan semua pihak.

Naib Ketua Puteri UMNO, Shahanim Mohd. Yusof berkata, sudah tiba masa bagi rakyat negeri ini membuka mata terhadap kepimpinan kerajaan Pas yang melancarkan kononnya mahu menjaga kebajikan tetapi bertindak sebaliknya.

Beliau berkata, isu cukai tanah Universiti Utara Malaysia (UUM) antara contoh terbaru yang menunjukkan Pas tidak berwibawa dalam soal urus tadbir kerajaan negeri.

"Dulu masa mula memerintah, kerajaan negeri menaikkan kadar bekalan air. Selepas itu, mereka memansuhkan pembayaran bil air di pejabat pos. Sekarang mahu menaikkan cukai tanah termasuk di tempat anak-anak kita menuntut il-

mu pula.

"Sepatutnya sebagai sebuah kerajaan bertanggungjawab, mereka perlu perkenalkan dasar yang memihak kepada rakyat.

"Namun sebaliknya, Pas Kedah buat polisi yang semakin hari semakin ke belakang malah menyusahkan," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan kepada mangsa ribut di Taman Nilam di sini hari ini.

Shahanim yang juga Ketua Puteri UMNO Bahagian Sungai Petani berkata, pengenalan dasar tersebut jelas bertentangan dengan manifesto Pas sebelum memegang tampuk pemerintahan dahulu iaitu mahu mewujudkan suasana 'Kedah Sejahtera'.

"Namun, selepas memegang kuasa, mereka jelas membelakangkan rakyat. Hanya janji-janji manis ditaburkan tetapi ia tidak dikotakan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap, rakyat negeri ini boleh menilai secara matang betapa Pas sudah tidak boleh diyakini lagi dalam menjaga kebajikan.

Headline **Nilai sikap kerajaan Pas**  
Date **23 Apr 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia (Utara)**  
Section **News**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **11**  
Article Size **316 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,979**  
PRValue **8,937**



**SHAHANIM Mohd. Yusof menyampaikan bantuan kepada salah seorang mangsa ribut di Taman Nilam, Sungai Petani, semalam.**